



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Samsudin Osman bergambar dengan 26 setiausaha politik kepada Menteri Persekutuan selepas majlis mengangkat sumpah di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

26 setiausaha politik angkat sumpah

PUTRAJAYA 28 April - Dua puluh enam orang setiausaha politik termasuk Datuk Othman Desa dan Dr. Vincent Lim Kian Tick yang menjadi setiausaha politik kepada Perdana Menteri mengangkat sumpah jawatan dihadapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Majlis ringkas yang dia-

dakan di Pejabat Perdana Menteri di sini itu disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Tan Sri Samsudin Osman.

Turut mengangkat sumpah ialah Reezal Merican Naina Merican dan Datuk Wan Ahmad Farid

Wan Salleh yang masing-masing menjadi setiausaha politik kepada Menteri Kewangan dan Menteri

Keselamatan Dalam Negeri, dua portfolio lain yang disandang oleh Abdullah.

Antara yang turut mengangkat sumpah jawatan hari ini ialah Datuk Alies Anor Alias (setiausaha politik Timbalan Perdana Menteri); Wee Jeek Seng (setiausaha politik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan); An-

nathan a/l Sinivesan (setiausaha politik Menteri Kerja Raya).

Yang lain ialah Abdullah Mohd Salleh (setiausaha politik Menteri Luar); Hussain Abdul Rahman (setiausaha politik Menteri Penerangan) dan Datuk Akhbarkhan Abdul Rahman (setiausaha politik Menteri Pelajaran). -- Bernama